

## Panel Bual Bicara Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia 2019



YBhg. Prof. Dr. Ir. Wan Ishak Wan Ismail  
Agriculture Mechanization, Agriculture  
Robotics and Automation, Machinery Design,  
Agriculture Systems and Modelling



YB Dato' Salahuddin bin Ayub  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani



YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat  
Pengerusi  
Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN)



YBhg. Datuk Franki Anthony Dass  
Ketua Penasihat dan Pegawai Nilai  
Sime Darby Plantation Berhad

### Sasaran

- Ahli akademik
- Penyelidik
- Pembuat dasar
- Petani
- Individu lain yang terlibat dalam bidang kejuruteraan pertanian dan makanan
- Pengurus
- Saintis
- Ahli industri
- Usahawan



### Tentatif

Tarikh: 21 Mac 2019

- 0800 Pendaftaran peserta  
0900 Ucapan aluan oleh Presiden Malaysian Society of Agriculture Engineering (MSAE)  
0915 Ucap terna dan perasmian oleh  
YB Dato' Salahuddin bin Ayub  
(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)  
**"Peranan Jurutera Memperkasakan  
Industri Agromakanan Negara"**  
Lawatan ke Tapak Pameran Industri oleh YB Menteri  
1000 Minum pagi/Lawatan ke Pameran Poster  
1030 Bual Bicara Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia 2019  
1200 Majlis penutup  
• Penyampaian Sijil Penghargaan  
• Pemenang Poster Terbaik  
1230 Makan tengah hari  
1430 Mesyuarat Agung Tahunan MSAE ke-37  
1700 Minum petang dan bersurai

### Yuran Pendaftaran

RM 100 (ahli MSAE)  
RM 150 (bukan ahli MSAE)  
RM500 (ahli industri)  
(Booth pameran PERCUMA)

### Penyerahan abstrak

- Tarikh akhir penyerahan abstrak: **25 Nov 2018**  
Notis Penerimaan abstrak: **30 Nov 2018**  
Tarikh akhir penyerahan abstrak lanjutan: **31 Dis 2018**  
Notis penerimaan abstrak lanjutan: **15 Jan 2019**

E-ISBN :978-967-XXXXX

Pendaftaran Online dan  
Pengantaraan Extended Abstract di link :

<http://bit.ly/konvensyenmsae2019>

atau di :

QR code yang disediakan



### Hubungi kami

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

<http://conference.upm.edu.my/MSAEC>

[konvensyenmsae2019@gmail.com](mailto:konvensyenmsae2019@gmail.com)



Dr. Mohd Salahudin 019-3501284 /

Cik Farhana 013-4897545

Penganjur Utama:



Penganjur Lokasi:



# KONVENSYEN KEBANGSAAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN MAKANAN 2019



*"Peranan Jurutera Melestarikan  
Agroindustri dan Makanan Negara"*

## 21 MAC 2019

Dewan Serbaguna MOA, Wisma Tani,  
Putrajaya

Penganjur bersama:



## Malaysian Society of Agriculture Engineering (MSAE)

Persatuan Jurutera Pertanian Malaysia atau "Malaysian Society of Agricultural Engineers" (MSAE) telah ditubuhkan pada tahun 1982 dan pada tahun 1984 telah didaftarkan secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS). MSAE merupakan sebuah organisasi profesional teknikal yang dianggotai oleh mereka yang bergiat aktif dalam kerjaya yang berkaitan dengan aspek-aspek kejuruteraan dan teknologi dalam industri pengeluaran pertanian, makanan serta sumber-sumber bahan biologi yang berkaitan. Bidang Kejuruteraan Pertanian boleh didefinisikan secara ringkas sebagai sebuah disiplin kejuruteraan yang mengguna prinsip-prinsip kejuruteraan serta sains dalam merekabentuk sistem yang selamat, cekap serta mapan untuk pengeluaran, pemproses dan pengurusan pertanian, makanan serta sumber bahan-bahan biologi.

Matlamat MSAE adalah untuk mempromosikan bidang kejuruteraan pertanian dan kerjaya yang berkaitan dengannya. MSAE akan menjadi platform bagi menggalakkan kemajuan profesional para ahli, serta mengembangkan peranan, perkongsian dan kerjasama diantara jurutera, saintis dan ahli teknologi yang terlibat di dalam sektor pertanian dan makanan. Selain itu, MSAE juga turut bertindak untuk meluaskan penglibatan jurutera pertanian di dalam isu keselamatan makanan negara.



Dengan mengambil matlamat penubuhan MSAE sebagai inspirasi, aktiviti yang dilaksanakan oleh MSAE adalah bersifat global. Pelbagai aktiviti seperti seminar, bengkel dan forum telah dilaksanakan bagi memberikan pendedahan, pengetahuan serta perkongsian ilmu dan pengalaman diantara ahli. Dalam usaha mempertingkatkan kepentingan sejagat jurutera pertanian, MSAE turut menjalankan kerjasama dengan persatuan yang sama diluar negara seperti *Indonesian Society of Agricultural Engineers (ISAE)*, *Thailand Society of Agricultural Engineers (TSAE)* dan *Philippine Society of Agricultural Engineers (PSAE)*.

### Peranan Persatuan Jurutera Pertanian Malaysia (MSAE)

Selaku persatuan profesional teknikal yang khusus dalam kejuruteraan pertanian dan makanan, MSAE yakin bahawa persatuan ini mampu menjadi platform bagi menyebarkan kesedaran, maklumat, teknologi dan kepakaran pada masyarakat umum serta menyokong polisi kerajaan dalam menjadikan sektor agro-makanan sebagai penyumbang besar dalam KDNK negara. Peranan persatuan seumpamanya telah diamalkan dinegara-negara maju seperti *American Society of Agricultural and Biological Engineers (ASABE)* and *Korean Society of Agricultural Engineers (KSAE)*, *Korean Society of Agricultural Machinery (KSAM)* and *Taiwan Agricultural Engineers Society (TAES)*.

### Ahli MSAE

Semua jurutera yang terlibat dengan aktif dalam industri berasaskan pertanian dan makanan boleh menjadi AHLI manakala saintis-saintis dan teknologis boleh menjadi AHLI BERSEKUTU.



## Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian Dan Makanan 2019

Pertumbuhan ekonomi dunia yang pesat dan proses globalisasi telah menjadikan persekitaran ekonomi lebih dinamik dan kompetitif. Situasi ini mewujudkan peluang dan cabaran kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sektor pertanian yang merangkumi industri agromakanan turut berdepan dengan cabaran dan memerlukan transformasi bagi meningkatkan sumbangannya dalam menyokong aspirasi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pemodenan pertanian berpacuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), teknologi dan inovasi merupakan pendekatan utama bagi menyokong proses transformasi industri agromakanan. Justeru, Persatuan Jurutera Pertanian Malaysia (MSAE) dengan ini mengambil inisiatif dengan menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan 2019. Konvensyen yang diadakan dapat menggabungkan ahli akademik, pengamal undang-undang, ahli industri serta individu dalam bidang kejuruteraan pertanian dan makanan di Malaysia bagi membincangkan teknologi terkini, keperluan dan masalah industri pertanian dan makanan, berkongsi amalan baik pertanian serta cadangan penambahbaikan undang-undang terutamanya untuk bidang kejuruteraan pertanian.

### Objektif

1. Untuk menyediakan platform di kalangan ahli akademik, penyelidik, penggubal dasar dan ahli industri agromakanan negara bagi membincangkan penambahbaikan dasar bidang kejuruteraan pertanian dan makanan.
2. Untuk menyediakan jaringan dan kolaborasi antara ahli akademik, penyelidik dan ahli industri bagi meningkatkan kualiti penyelidikan kejuruteraan pertanian dan makanan.